

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JSE 241 - Ekonomi Antarabangsa I

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab soalan 1 di Bahagian A dan soalan 2 di Bahagian B.
3. Tuliskan jawapan anda di ruang kosong yang disediakan.
4. Mesin kira tak berprogram boleh digunakan.
5. Jangan ceraikan mana-mana halaman. Serahkan keseluruhan kertas jawapan kepada Ketua Pengawas.

...2/-

**BAHAGIAN A (70 markah)**

1. Jawab SEMUA soalan berikut ([A] - [K]); tuliskan jawapan anda di ruang kosong yang disediakan.

[A] Berasaskan jadual di bawah, tentukan sama ada setiap pernyataan berikut BETUL atau SALAH:

Kes 1 Negara A mempunyai kebaikan mutlak dalam pengeluaran komoditi M dan negara B mempunyai kebaikan mutlak dalam pengeluaran komoditi X.

[A] BETUL [B] SALAH

Kes 2 Negara A mempunyai kebaikan bandingan dalam pengeluaran komoditi X dan negara B mempunyai bandingan dalam pengeluaran komoditi M.

[A] BETUL [B] SALAH

Kes 3 Negara B mempunyai kebaikan mutlak dalam pengeluaran komoditi X dan kebaikan bandingan dalam pengeluaran komoditi M.

[A] BETUL [B] SALAH

Kes 4 Negara A sahaja menikmati faedah daripada perdagangan antarabangsa jika syarat niaga negara A yang muncul ialah  $1M : 2X$ .

[A] BETUL [B] SALAH

Kes 5 Kedua-dua negara menikmati faedah daripada perdagangan antarabangsa jika syarat niaga yang muncul ialah  $1X : 1M$ .

[A] BETUL [B] SALAH

Negara	OUTPUT X dan M PER UNIT INPUT									
	Kes 1		Kes 2		Kes 3		Kes 4		Kes 5	
	X	M	X	M	X	M	X	M	X	M
A	255	36	0.6	1.2	12	0.4	10	20	5	10
B	249	21	0.2	3.6	16	1.2	20	10	10	5

(5 markah)

[B] Rajah B.1 dan rajah B.2 menunjukkan keadaan keseimbangan negara A dan negara B dalam keadaan autarki.

(a) Apakah bukti yang menunjukkan bahawa adanya asas bagi kedua-dua negara untuk berdagang?

\_\_\_\_\_


\_\_\_\_\_

(b) Jika kedua-dua negara berdagang, negara manakah akan mengkhusus dalam pengeluaran komoditi X \_\_\_\_\_ dan negara manakah akan mengkhusus dalam pengeluaran komoditi M \_\_\_\_\_.


(c) Negara manakah akan mengeksport komoditi X? \_\_\_\_\_  
 Komoditi manakah akan dimport oleh negara B? \_\_\_\_\_

(d) Tunjukkan di atas kedua-dua rajah bahawa dalam keadaan keseimbangan perdagangan bebas, kebajikan masyarakat setiap negara telah meningkat.

(5 markah)




Rajah B.1 Negara A



Rajah B.2 Negara B

- [C] (a) Takrifkan konsep "pemburukan syarat niaga": \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
- (b) Rujuk kepada rajah C. Berapakah nilai syarat niaga:  
 Negara Malaysia: \_\_\_\_\_ Negara Singapura: \_\_\_\_\_
- (c) Rujuk kepada rajah C. Andaikan, secara serentak, produktiviti sektor pembuatan meningkat di Singapura, manakala produktiviti sektor pertanian meningkat di Malaysia.
- (1) Wakilkan kejutan ini di atas rajah C.
  - (2) Apakah kesan kejutan ini terhadap syarat niaga rakyat Singapura?  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
  - (3) Apakah kesan kejutan ini terhadap kebajikan rakyat Singapura?  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
  - (4) Apakah kesan kejutan ini terhadap jumlah dagangan dunia?  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

(6 markah)



Rajah C





[F] (a) Takrifkan konsep **tarif tepat**:

---



---

(b) Rajah F menunjukkan pasar pita video di negara A dan di negara B; pengeluaran dalam negeri tidak wujud di kedua-dua negara. Andaikan setiap negara mengenakan tarif tepat pada kadar RM2/unit.

(1) Wakilkan pengenaan tarif ini di atas rajah F.1 dan F.2, masing-masing.

(2) Di antara dua negara ini, negara manakah yang menikmati keuntungan kerana pengenaan tarif ini? Jelaskan.

---



---



---

(3) Di antara dua negara ini, negara manakah tidak menikmati keuntungan atau mengalami kerugian kerana pengenaan tarif ini? Jelaskan.

---




---




---

(7 markah)



Rajah F.1 Negara A



Rajah F.2 Negara B

...8/-











**BAHAGIAN B (30 markah)**

2. Jawab mana-mana TIGA daripada soalan berikut. Gunakan rajah yang sesuai untuk mengukuhkan jawapan anda.
- (a) Berasaskan teori Hecksher-Ohlin, jelaskan mengapa dalam dekad 50-an – 70-an Malaysia merupakan pengeksport bersih barangan pertanian dan pengimport bersih barangan pembuatan. (10 markah)
- (b) Andaikan Malaysia sebagai sebuah negara besar yang mengeksport minyak mentah dan mengimport barangan pertanian. Dengan bantuan analisa keluk tawaran, huraikan kesan terhadap syarat niaga, jumlah dagangan dan kebajikan masyarakat Malaysia jika lebih banyak telaga minyak mentah dijumpai dan mula mengeluarkan minyak mentah. (10 markah)
- (c) Huraikan perkembangan satu industri di Malaysia yang mana perkembangannya telah diasaskan kepada "hujah industri muda". (10 markah)
- (d) Malaysia adalah pengimport bersih padi; ia juga adalah sebuah negara kecil. Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan mengapa pengeluar-pengeluar padi di Malaysia mengalu-alukan pengenaan tarif terhadap pengimportan padi manakala pengguna-pengguna padi menentang pengenaan tarif terhadap pengimportan padi. (10 markah)
- (e) Pada tahun 1994, Malaysia telah dituduh "melambak" televisyen di pasaran European Community. Berikan hujah-hujah ekonomi mengapa European Community membantah lambakan ini. (10 markah)
- (f) Malaysia adalah sebuah negara kecil yang mengeksport kayu balak tidak diproses. Oleh sebab-sebab tertentu, kerajaan Malaysia telah mengharamkan pengeksportan kayu balak tidak diproses. Kumpulan manakah yang mengalu-alukan tindakan ini dan kumpulan manakah pula yang membantah tindakan ini? Jelaskan mengapa kumpulan-kumpulan ini mengambil pendirian yang bertentangan. (10 markah)
- (g) Jika negara-negara ASEAN bersetuju menubuhkan Kesatuan Kastam, apakah faedah jangka pendek dan faedah jangka panjang yang mungkin dinikmati oleh negara-negara ahli. (10 markah)









Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- 18 -

[JSE 241]

...19/-

Lined writing area with horizontal lines.

0000000